

Pertahan kerusi Parlimen kali ketiga



Saifuddin (dua, kiri) bersama sebahagian tetamu di Majlis Pelancaran Bilik Gerakan Utama P112 Kuala Langat dan Pelancaran Jentera AMK Kuala Langat di Pejabat Ahli Parlimen Kuala Langat, kelmarin.

BANTING - Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail menggesa ahli Pakatan Harapan di Parlimen Kuala Langat mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Langat buat kali ketiga.

Menurutnya, beliau tidak teragak-agak untuk mempromosikan Ahli Parlimen Kuala Langat sebagai calon parlimen.

"Sehebat-hebat pemimpin dalam Pakatan Harapan yang ada, pembelaan hak pekerja adalah kebolehan yang hanya ada pada ahli parlimen sini."

"Saya yakin beliau dapat pertahankan Parlimen Kuala Langat dan tiga lagi Dun me-

nang" katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Pelancaran Bilik Gerakan Utama P112 Kuala Langat dan Pelancaran Jentera Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kuala Langat di Pejabat Ahli Parlimen Kuala Langat, kelmarin.

Saifuddin berkata, perancangan awal penting bagi mengekalkan pemerintahan di dua negeri yang diperintah Harapan.

"Jika rakyat beri peluang kepada Pakatan Harapan ambil alih Putrajaya, dua negeri ini dapat menjadi contoh yang terbaik bagi meyakinkan rakyat pada masa hadapan, pihaknya lebih baik untuk

memerintah.

"Saya menyeru jentera Pakatan Harapan di Kuala Langat terus berkempen memenangi hati rakyat, ajak mereka serta program dan ambil peluang yang ada," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua AMK Malaysia, Dr Afif Bahardin berkata, pelancaran jentera AMK di setiap kawasan di seluruh negara giat dijalankan dan perlu memastikan anak muda terus bersemangat untuk memastikan pilihan raya berpihak kepada Harapan.

"Pada masa ini pun sentimen 67 peratus anak muda kata negara menuju ke arah kegagalan," katanya ketika dijumpai di sini.

Taman Rekreasi Paya Bakau tarikan baharu

SIJANGKANG - Taman Rekreasi Paya Bakau, di Kampung Sijangkang yang mempunyai jambatan sepanjang kira-kira 800 meter kini menjadi antara tarikan baharu pengunjung beriadah ke daerah Kuala Langat.

Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman berkata, kelebihan Kampung Sijangkang itu memberi peluang membawa nama kampung berkenaan sebagai sebuah pusat pelancongan selain memperkenalkannya kepada Juri Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik Peringkat Negeri Selangor pada tahun ini.

"Segala produk kampung yang ditonjolkan sebenarnya antara tarikan dan punca pendapatan penduduk setempat di kampung itu dan ini antara kelebihan yang ada di kampung Sijangkang

"Saya mahu Kampung Sijangkang terus mendapat tempat dalam masyarakat termasuk di hati juri pertandingan dan saya faham penduduk yang terlibat mengharapkan Kampung Sijangkang terpilih sebagai Kampung Tradisi Terbaik Selangor," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ketua Kampung Sijangkang, Zainal Ulum Ahmad Kasah berkata, penyertaan pertandingan itu dilihat menjadi salah satu usaha mempromosikan negeri Selangor kepada umum bahawa kampung tersebut mempunyai pusat pelancongan yang diusahakan oleh jawatankuasa kemajuan kampung.

"Usaha ini antara petunjuk rakyat di kampung ini bersatu hati dalam menjadikan produk kampung terus dikenali. Ia juga sebagai langkah memperkenalkan pelbagai produk tempatan lain," katanya.



Sebahagian juri Pertandingan Kampung Tradisi Terbaik Peringkat Negeri Selangor ketika mengadili Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang semalam.

KPKT luluskan RM600,000

Peruntukan berkenaan bagi membina gelanggang futsal, naik taraf surau

BANDAR SAUJANA PUTRA

- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi pembinaan sebuah gelanggang futsal berbumbung di Rumah Pangsa Impian di Bandar Saujana Putra di sini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan yang turut merangkumi kerja-kerja menaik taraf surau adalah sebagai usaha memberi kehidupan yang selesa kepada penduduk.

"Kita memikirkan tiga aspek penting untuk memberi keselesaan kepada penduduk termasuk keperluan taska atau tadika untuk anak-anak di kawasan itu selain keperluan belia seperti gelanggang futsal dan penduduk yang

INFO

- Kemudahan disediakan untuk penghuni di 18 blok yang mempunyai 1,140 unit rumah

bersara menjalankan aktiviti keagamaan di surau.

"Saya diberitahu keperluan itu sangat diharapkan selain penyelenggaraan kemudahan sedia ada dapat dilakukan untuk keselesaan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian dalam lawatan kerja ke Daerah Kuala Langat di sini, semalam.

Noh berkata, kepadatan penduduk dipercayai menjadi punca tadika yang diwujudkan di kawasan itu



Noh mengadakan lawatan kerja ke Rumah Pangsa Impian di Bandar Saujana Putra, semalam.

terpaksa dijalankan sebanyak dua sesi bagi menampung permintaan penduduk.

Sementara itu, Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama Rumah Pangsa Impian, Rosdi Omar berkata, keperluan sebuah gelanggang futsal amat

diperlukan dan diharapkan oleh golongan belia di kawasan itu.

"Sekiranya kemudahan

gelanggang futsal dibina di kawasan itu membantu memberi peluang kepada belia dan penduduk di sini menjalankan aktiviti riadah. Bilangan penduduk memang ramai dengan kapasiti 18 blok dan 1,140 unit rumah menyebabkan pelbagai kemudahan ditagih penduduk.

"Buat masa ini belia-belia dilihat merayau ke kawasan lain dan sebahagiannya sanggup menghabiskan wang ke pusat siber bagi mengisi masa lapang," katanya.

Menurutnya, bagaimanapun sebelum ini, penduduk mengharapkan semua bangunan di kawasan itu dapat diberi wajah baru termasuk dicat semula bagi mengembalikan keceriaan memandangkan ia terletak berhampiran lebuh raya.